



Ruj. Kami: ANM(T)81/10/7/15/1 Jld.9 (19)  
Tarikh : 6 Jun 2012

**Kepada sesiapa yang berkenaan,**

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**MAKLUMAN PINDAAN TARIKH PERSIDANGAN PENOLONG AKAUNTAN SEKTOR AWAM KE-10 ANJURAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA DENGAN KERJASAMA PERPENA**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara diatas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak penganjur telah membuat beberapa kali pindaan tarikh dan lokasi Persidangan Penolong Akauntan Sektor Awam Ke-10 atas sebab-sebab teknikal dimana lokasi asal diperlukan oleh kerajaan negeri Johor untuk penganjuran program utama kerajaan negeri. Pindaan tarikh dan lokasi adalah seperti berikut:

- 2.1. Surat Siaran Persidangan rujukan ANM(T)81/10/7/15/1 Jld.8(90)  
bertarikh 28 Mac 2012  
Tarikh : 28 – 30 Mei 2012  
Tempat : Pusat Konvensyen Antarabangsa PERSADA  
Johor Bahru, Johor
- 2.2. Surat Pindaan Tarikh Persidangan rujukan ANM(T)81/10/7/15/1 Jld.8(106)  
bertarikh 26 April 2012  
Tarikh : 10 - 12 Jun 2012  
Tempat : Pusat Konvensyen Antarabangsa PERSADA  
Johor Bahru, Johor
- 2.3. Surat Tawaran Persidangan rujukan ANM(T)81/10/7/15/1 Jld.9(12)  
bertarikh 16 Mei 2012  
Tarikh : 11 - 13 Jun 2012  
Tempat : Thistle Hotel Johor Bahru  
Johor

3. Sehubungan dengan itu, peserta persidangan yang telah membuat pembelian tiket kapal terbang secara pembelian terus melalui kad kredit atau tunai telah dikenakan caj penalti ke atas pindaan tarikh penerbangan tersebut. Merujuk kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.2/2010, pegawai sendiri patut menanggung sepenuhnya sebarang risiko atau kerugian akibat pemilihan kaedah pembelian tiket ini dimana pegawai tidak layak

menuntut caj penalti sekiranya ia berpunca dari kesilapan atau kecuaiian pegawai sendiri. **Justeru itu, berhubung situasi ini adalah disahkan bahawa caj penalti yang telah dikenakan oleh syarikat penerbangan kepada peserta persidangan berdasarkan tarikh-tarikh tersebut diatas adalah layak dituntut oleh pegawai dan ditanggung oleh Kerajaan kerana kerugian berpunca daripada pihak penganjur yang meminda tarikh persidangan.**

4. Kerjasama YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan dalam mempertimbangkan permohonan bayaran balik tambang kapal terbang dan caj penalti berhubung perjalanan menghadiri persidangan ini adalah selaras dengan peraturan kewangan semasa yang sedang berkuatkuasa dan tertakluk bagi tujuan persidangan ini sahaja. Walaubagaimanapun, adalah menjadi tanggungjawab YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan dalam memastikan kesahihan dokumen tuntutan adalah lengkap berhubung perkara ini. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
*"Inovasi Ke arah Perakaunan Akruan"*

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' ROSINI BINTI ABD. SAMAD)**  
Timbalan Akauntan Negara (Korporat)  
b.p. Akauntan Negara Malaysia